



HEBAHAN PROGRAM NASIHAT GUAMAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Cawangan Guaman Kuala Lumpur (CGKL), Jabatan Undang-Undang akan menganjurkan Program Nasihat Guaman sepertimana ketetapan berikut :

- Tarikh : 13 hingga 17 November 2017
- Hari : Isnin hingga Jumaat
- Jam : 10.00 pagi sehingga 3.00 petang
- Lokasi : Kaunter Setempat, Aras Bawah, Blok 10, Kompleks,
Bangunan Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim,
Kuala Lumpur

Program Nasihat Guaman ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada pembayar cukai yang menerima notis tindakan pendakwaan untuk mendapatkan nasihat perundangan percukaian secara terus daripada peguam yang mengendalikan kes pendakwaan dan sivil Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Program Nasihat Guaman ini pada tarikh dan masa yang sama juga akan dikendalikan oleh unit undang-undang cawangan LHDNM di seluruh Negara bertempat di lokasi masing-masing. Manakala bagi Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu, program ini bermula pada 12 November sehingga 16 November 2017.